

## **Pembiayaan Margin Saham Hong Leong – Kempen SMF Big Saver**

### **TEMPOH KEMPEN**

1. Kempen "SMF Big Saver Campaign" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") ini bermula pada **1 Januari 2018** dan tamat pada **30 Jun 2018**, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **Terma & Syarat**

#### **KELAYAKAN**

2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan semasa yang membuat permohonan baru untuk Pembiayaan Margin Saham HLB ("Fasiliti") sepanjang Tempoh Kempen ("Pelanggan Layak").
3. Individu yang berikut TIDAK layak menyertai promosi ini:
  - (i) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang tindakan salahlaku dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/ Hong Leong Islamic Bank (HLISB), telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank-bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen;
  - (ii) Pelanggan yang telah melakukan, atau didapati oleh HLB/ HLISB berkemungkinan untuk melakukan mana-mana kesalahan seperti yang tertera di atas.
  - (iii) Pelanggan yang membuat permohonan Fasiliti ini untuk pembiayaan Skim Opsyen Syer Pekerja (ESOS) dan Saham Terbitan Awam (IPO)
  - (iv) Pelanggan semasa yang membuat permohonan tambah nilai pada Fasiliti yang sedia ada.
  - (v) Pelanggan semasa yang telah menutup Akaun Margin Saham ("Akaun SMF") terdahulu dan telah membuat permohonan pembukaan akaun SMF yang baharu dalam tempoh kurang dari setahun daripada tarikh penutupan akaun SMF terdahulu.
  - (vi) Pekerja HLB/ HLISB sama ada secara tetap atau secara kontrak.

#### **MEKANIK KEMPEN**

4. Pelanggan yang menerima dan membuka akaun SMF dalam tempoh kempen adalah layak untuk Rebat Faedah and pengecualian daripada bayaran pendahuluan ("Pelanggan Layak"):

##### **(i) Pengecualian Yuran Pendahuluan**

Pelanggan Layak akan dikecualikan untuk membayar Yuran Pendahuluan sebanyak Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Lima (RM85.00)(tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) merangkumi yuran dokumen, yuran pembukaan akaun Central Depository ("CDS"), duti setem nominal untuk dokumen-dokumen yang berkenaan dengan Fasiliti, seperti Surat Tawaran, Memorandum Deposit dan Surat Akujanji/ Indemniti. (tidak termasuk Perjanjian Fasiliti).

Pengecualian Yuran Pendahuluan TIDAK termasuk duti setem atas Perjanjian Fasiliti dan yuran undang-undang berkaitan dengan surat tawaran dan dokumen-dokumen yang lain, perlu dibayar oleh pelanggan sendiri.

##### **(ii) Rebat Faedah**

Pelanggan Layak akan mendapat rebat faedah sebanyak 50% atas bayaran faedah (Rebat Faedah) yang dikenakan selama tiga (3) bulan berturut-turut bermula daripada Tarikh Penerimaan Fasiliti. Adalah obligasi pelanggan layak untuk memastikan dia menerima tawaran secepat mungkin dan pihak HLB tidak bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak dapat menerima tawaran atas apa juar sebab sekalipun.

5. Rebate faedah akan bermula dari Tarikh Penerimaan Tawaran tidak mengira tarikh pengaktifan tawaran (Pelanggan Layak tidak dapat menikmati rebat faedah sekiranya mengaktifkan tawaran selepas 3 bulan dari tarikh penerimaan tawaran tersebut).
6. Rebab Faedah bagi setiap bulan akan dibayar balik ke akaun Fasiliti Pelanggan Layak pada penghujung bulan berikutnya. Rebab tersebut akan tertera di dalam penyata bulanan.
- 7.. Sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima Rebate Faedah pada bulan berikutnya, adalah obligasi pelanggan layak untuk memberitahu pihak HLB dalam tempoh 14 (empat belas) hari dari tarikh penyata bulanan. Sekiranya tidak, Pelanggan Layak dianggap sudah menerima Rebab Faedah dan sebarang permohonan/ rayuan untuk pembayaran balik faedah selepas tempoh tersebut tidak akan dilayani.
8. Untuk mengelakkan keraguan, bayaran Rebab Faedah akan dihadkan pada jumlah minimum RM5 dan Pelanggan Layak adalah tidak berhak kepada amaun rebab yang kurang daripada RM5.
9. Ilustrasi pengiraan rebab bagi tiga (3) bulan berturut-turut dari Tarikh Penerimaan Fasiliti adalah seperti dilampirkan di dalam jadual di bawah:

**Contoh:**

**Tarikh Penerimaan Fasiliti : 15 Januari 2018**

\* Nombor berikut adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

Tempoh		Faedah yang Dikenakan (RM)	Rebate Faedah (%)	Rebate Faedah (RM)	Kelayakan	Jumlah Dibayar (RM)
Bulan 0	15 - 31 Jan 2018	7	50%	3.50	Tidak	0
Bulan 1	1 - 28 Feb 2018	5,000	50%	2,500	Ya	2,500
Bulan 2	1 - 31 Mac 2018	10,000	50%	5,000	Ya	5,000
Bulan 3	1 - 30 Apr 2018	0	50%	0	Tidak	0
				<b>7,503.50</b>		<b>7,500</b>

10. Pelanggan Layak diberi tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat Tempoh Kempen, iaitu sehingga **31 Julai 2018** bagi tujuan penerimaan Fasiliti pada permohonan yang dikemukakan semasa Tempoh Kempen. Pelanggan Layak dikehendaki buka akaun Saham Margin sebelum atau pada **31 Julai 2018**.
11. Untuk mengelakkan keraguan, HLB tidak bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak layak untuk Rebab Faedah atas sebab tidak membuka Akaun Margin Saham dalam tempoh Kempen atau sebelum 31 Julai 2018 (jika berkenaan) atas apaja sebabpun. Pelanggan Layak dikehendaki membuka Akaun Margin Saham dalam tempoh Kempen 31 Julai 2018 (jika berkenaan) melangsangkan semua yuran yang dikenakan dari membuka Akaun Saham Margin (tidak merangkumi bayaran kepada duti setem dan yuran undang-undang atas Perjanjian Fasiliti dan dokumen-dokumen yang lain) dengan segera.

**TERMA AM**

12. Kempen ini adalah tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan mana-mana kempen berterusan lain yang berkaitan dengan pembiayaan Margin Saham yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, melainkan diberitahu sebaliknya.
13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak:
  - (i) telah membaca dan memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen;
  - (ii) bersetuju melayari web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sebarang pertukaran atau perubahan terma dan syarat berkenaan Kempen ini;
  - (iii) bersetuju bahawa semua rekod dicatatkan dalam sistem HLB untuk kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - (iv) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank ke atas perkara berkaitan Kempen, termasuk melucutkan kelayakan Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB, adalah muktamad bagi semua pelanggan dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
  - (v) bersetuju bahawa semua permohonan untuk fasiliti tersebut adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan HLB.
14. HLB berhak :
  - (i) untuk menolak apa-apa permohonan untuk fasiliti yang dikemukakan mengikut budi bicara pihak Bank dan keputusan adalah mutlak;
  - (ii) membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan Layak atas sebarang sebab di atas budi bicara yang dianggap wajar oleh HLB, menurut budi bicaranya yang mutlak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini dan/atau untuk mendapatkan Rebat Faedah; dan
  - (iii) Untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicaranya dengan menyiaran di laman web HLB, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dengan memberi notis kepada pelanggan mengenai penambahan, pemotongan atau pindaan terhadap terma dan syarat tersebut
15. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah secara peribadi menanggung semua cukai yang berkenaan, bayaran kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam kempen ini.
16. Sekiranya terdapat sebarang perenggahan di antara terma dan syarat di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
17. Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
18. Perkataan yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menunjukkan makna satu merangkumi makna banyak begitu juga sebaliknya.